

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]
TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan memperincikan jumlah dan jenis bantuan kewangan yang telah diagihkan bagi membantu FELDA selepas pembentangan kertas putih bulan April yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas pembentangan Kertas Putih FELDA pada 10 April 2019, Kerajaan telah memulakan langkah proaktif dengan menyalurkan peruntukan secara berperingkat kepada FELDA. Sehingga 30 Jun 2019, FELDA telah menerima geran Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi berjumlah RM480 juta (8% daripada jumlah peruntukan) bagi tujuan penghapusan faedah hutang kebun peneroka (RM300 juta) dan pembiayaan projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (RM180 juta) daripada jumlah keseluruhan iaitu RM6.23 bilion.

2. Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Pelaksanaan Model FELDA Baharu yang terdiri daripada wakil kementerian dan agensi Kerajaan serta NGO yang berkaitan bagi memastikan usaha melestarikan FELDA seperti yang terkandung dalam Kertas Putih tercapai. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan memantau strategi penambahbaikan serta lima (5) program dan projek utama yang dirangka di bawah Model FELDA Baharu berdasarkan peruntukan RM 6.23 bilion yang akan disalurkan secara berperingkat sehingga 2025.

3. Di samping itu, sebuah Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah ditubuhkan secara usahasama strategik bagi memastikan objektif Program Pembangunan Peneroka (PPP) Bagi Hasil Baharu tercapai. Melalui kerjasama ini, peneroka digalakkan untuk menceburkan diri dalam aktiviti pertanian dan ternakan yang menggunakan teknologi baharu seperti '*smart farming*' dan '*precision agriculture*'. Strategi ini dijangka dapat mengurangkan kebergantungan peneroka kepada hasil sawit serta meningkatkan pendapatan.

Sekian, terima kasih.